

U B840 AAB
UMNO - MT

KUALA LUMPUR, 23 APRIL (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG BERMESYUARAT MALAM INI MENERIMA SECARA RASMI PERLETAKAN JAWATAN ENCIK ANWAR IBRAHIM SEBAGAI KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT BERKATA PERLETAKAN JAWATAN ENCIK ANWAR BERKUATKUASA SELEPAS MESYUARAT.

MENURUT SURAT YANG DIBACAKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR, ENCIK ANWAR YAKIN BAHAWA DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK YANG MEMANGKU JAWATAN ITU DAPAT MEMIMPIN PERGERAKAN PEMUDA KE TAHAP YANG LEBIH CEMERLANG.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA MESYUARAT JUGA MEMDUAT KEPUTUSAN UNTUK MENYEDIAKAN TEMPAT KEPADA 40 ORANG WARTAWAN SAHAJA DALAM SEBUAH MASA KETIKA PERHIMPUNAN ITU.

KATANYA, IBU PEJABAT UMNO AKAN MEMBERI SATU PAS KEPADA SETIAP AGENSI BERITA ATAU AKHBAR DAN PAS ITU BOLEH DIGUNAKAN SECARA BERGILIR-GILIR UNTUK MEMASUKI DEWAN PERHIMPUNAN. -- LAGI
2321MST 23 04 87

U B843 AAB
UMNO - MT 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA INI KERANA JUMLAH KERUSI DALAM DEWAN MERDEKA TIDAK MENCUKUPI UNTUK MENAMPUNG KESEMUA 800 WARTAWAN YANG DIJANGKA MEMBUAT LIPUTAN PADA PERHIMPUNAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PIHAK BERKENAAN TIDAK DAPAT MENJAMIN TEMPAT UNTUK PARA PEMERHATI IAITU 10 ORANG DARIPADA SETIAP BAHAGIAN

PEMERHATI YANG TIDAK MENDAPAT TEMPAT BOLEHLAH MENGIKUTI PERJALANAN PERHIMPUNAN MELALUI TELEVISYEN SISTEM LITAR DI DEWAN TUN ISMAIL, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

DALAM PADA ITU, MESYUARAT MEMBENARKAN WAKIL ENAM BUAH KELAB UMNO MENGHADIRI PERHIMPUNAN DENGAN JUMLAH ANGGOTA PERWAKILAN 1,479 ORANG DAN WAKIL CALON PULA 92 ORANG.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, JIKA DUA ORANG KETUA BAHAGIAN YANG JUGA KETUA PEMUDA BAHAGIAN (BALING DAN SENAI) MELETAKKAN JAWATAN KETUA PEMUDA Masing-masing dan melantik pemangku, jumlah anggota perwakilan menjadi 1,481 orang. -- LAGI
2342MST 23 04 87

0396

R B844 AAB
UMNO - MT 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA PARA PERWAKILAN HENDAKLAH HADIR MULAI PUKUL 8.30 PAGI DI DEWAN PERHIMPUNAN TETAPI JIKA TERLEWAT MEREKA MASIH DIBENARKAN MEMASUKI DEWAN DAN MENGUNDI.

BELIAU BERKATA ATURCARA MESYUARAT SEPERTI BIASA BERMULA PUKUL 9 PAGI DENGAN PENGUNDIAN DIJALANKAN SELEPAS PRESIDEN PARTI MENYAMPAIKAN UCAPAN DASARNYA.

SEMENTARA ITU, SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SERI SANUSI JUNID BERKATA DUA BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN AL-HAJ DAN TUN HUSSEIN ONN TELAH DIJEMPUT MENGHADIRI PERASMIAN PERHIMPUNAN SEBAGAI TETAMU PRESIDEN PARTI.

WALAU BAGAIMANAPUN, KATANYA, TUNKU ABDUL RAHMAN DAN TUN HUSSEIN TIDAK AKAN HADIR.

MESYUARAT DUA JAM DIHADIRI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO, TIMBALAN PRESIDEN UMNO DATUK MUSA HITAM, NAIB-NAIB PRESIDEN DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI DAN DATUK SERI WAN MOHKTAR AHMAD.

YANG TURUT MENGHADIRI MESYUARAT IALAH MENTERI PELAJARAN ENCIK ANWAR IBRAHIM, KETUA PERGERAKAN WANITA DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ DAN BENDAHARI PARTI ENCIK DAIM ZAINUDDIN. -- BERNAMA
2353MST 23 04 87